

# Dampak Positif dan Negatif Aplikasi *TikTok* Sebagai Medium Pembelajaran Interaktif

(*Positive and Negative Impact of TikTok Application as an Interactive Learning Medium*)

Fatin Izati Mohd Taher<sup>1\*</sup>, Esstree Ishak<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak, Kuching, Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Kuching Sarawak, Kuching, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [fatin@poliku.edu.my](mailto:fatin@poliku.edu.my)

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.4>

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan untuk membincangkan dampak positif dan negatif aplikasi *TikTok* dalam mencorak pembangunan nilai individu. Metodologi kajian yang dijalankan adalah melalui tinjauan kepustakaan. Artikel ini menyatakan bahawa faktor negatif aplikasi *TikTok* mempengaruhi corak pembangunan nilai individu yang tidak seimbang dari segi fizikal, rohani, jasmani dan emosi. Namun begitu, dapatan artikel ini menegaskan bahawa kandungan video *TikTok* yang membawa kepada kemudaratan, meningkatnya perlakuan narsisisme dan meluasnya kandungan berbentuk pornografi, peningkatan kes pedofilia dan ketagihan gajet dalam aplikasi *TikTok* adalah penyebab utama ketidakseimbangan pembangunan nilai individu. Artikel ini diharapkan dapat memberi manfaat dan sumbangan ilmu kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat bagi menangani isu ini. Seterusnya kesan-kesan negatif *TikTok* yang dibincangkan ini diharap dapat diberikan perhatian oleh pihak-pihak tertentu dalam melaksanakan intervensi yang sewajarnya bagi mencorak pembangunan nilai anak muda di Malaysia yang syumul dan seimbang.


**Kata Kunci:** Dampak Positif, Dampak Negatif, Aplikasi *TikTok*, Pembangunan Nilai, Individu

**Abstract:** This article aims to discuss the positive and negative impact of the *TikTok* application in shaping the development of individual values. The research methodology conducted is through a literature review. This article states that the negative factors of the *TikTok* application affect the development pattern of individual values that are not balanced in terms of physical, spiritual, physical, and emotional. Nevertheless, the findings of this article affirm that the content of *TikTok* videos that lead to harm, the increase in narcissistic behavior and the spread of pornographic content, and the increase in cases of pedophilia and gadget addiction in the *TikTok* application are the main causes of the imbalance in the development of individual values. This article is expected to benefit and contribute knowledge to those responsible for obtaining information to deal with this issue. Next, the negative effects of *TikTok* that are discussed are hoped to be given attention by certain parties in implementing appropriate interventions to pattern the development of the values of young people in Malaysia that are inclusive and balanced.

**Keywords:** Positive Impact, Negative Impact, *TikTok* Application, Value Development, Individual

## 1. Pendahuluan

Seperti yang kita semua ketahui, internet adalah salah satu keperluan harian dalam kehidupan setiap orang. Hasilnya, akses internet akan tersedia di mana-mana sahaja. Masyarakat hari ini hanya dapat memperoleh maklumat di hujung jari. Tidak syak lagi bahawa kemudahan akses internet akan membuka lebih banyak peluang untuk akses media sosial yang meluas, terutama di Malaysia. Perkembangan globalisasi yang pesat telah memberi kesan besar kepada kehidupan sosial. Ia dengan segera menempatkan dunia di bawah unit bersama, tanpa dibatasi oleh sempadan dan lokasi geografi suatu negara. Menurut Anderson dan Taylor (2013), globalisasi adalah proses mengembangkan rangkaian dan saling bergantung antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Ini dibuktikan apabila globalisasi telah merubah senario hari ini di mana negara-negara di dunia tidak dilihat sebagai satu entiti berasingan, malah ianya saling berhubungan antara satu sama lain seperti dalam kegiatan ekonomi dan sebagainya



**Rajah 1: Statistik Penggunaan Internet**  
**Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Media sosial dan teknologi telah mendapat tempat di hati rakyat Malaysia dan telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan impian sosial untuk merealisasikan kehidupan yang lebih moden. Berdasarkan statistik pada rajah 1 berkenaan penggunaan internet yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menunjukkan bahawa peratusan pengguna internet di Malaysia terus meningkat dari 76.9% pada tahun 2016 kepada 87.4% pada tahun 2018. Seterusnya, telefon pintar kekal mendominasi sebagai peranti yang paling biasa digunakan bagi mengakses internet yang mana sembilan daripada sepuluh bersamaan dengan 93.1% mengakses internet menggunakan telefon pintar. Hal ini menguatkan fakta yang bahawa internet telah menjadi medium penting dalam penglibatan sosial dan komunikasi dan antara platform rangkaian sosial yang paling popular akhir ini adalah seperti Whatsapp, Facebook dan *TikTok*.

Dalam satu kajian sebuah laman yang memiliki komuniti 9.6 juta orang, Yougov telah mendapati bahawa di Malaysia purata seorang pengguna yang membuka media sosialnya setiap hari adalah selama 5 jam 40 minit. Selain itu, dikatakan dua dalam setiap sepuluh orang meluangkan masa selama lebih 9 jam sehari di pelbagai platform media sosialnya

(Digitalinfluencelab.com & Yougov,). Merujuk kepada Rajah 1 juga menyatakan bahawa pengguna yang berumur 20 tahun mendominasi carta penggunaan internet tertinggi iaitu purata adalah selama 8 jam sehari, diikuti oleh pengguna yang berumur 30 tahun ke bawah iaitu purata 7.3 jam, seterusnya pengguna berumur bawah 20 tahun iaitu purata selama 6.7 jam, 5.9 jam bagi pengguna yang berumur 40 tahun dan pengguna yang berumur 50 tahun, purata penggunaan adalah selama 4.5 jam serta pengguna yang berumur 60 tahun ke atas, purata adalah selama 3.7 jam.

Pada masa kini, platform popular seperti Facebook, Twitter, Whatsapp, Instagram, *TikTok*, dan lain-lain adalah media utama media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kajian kepustakaan bagi mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Seterusnya melalui kaedah ini pengkaji mendapat gambaran yang jelas mengenai prinsip, konsep, kaedah, pengolahan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian ini. Kajian ini memfokuskan kepada sisi negatif pengaruh aplikasi *TikTok* dalam mencorak pembangunan nilai seseorang individu



Rajah 2: Design Principles dalam perisian Tik Tok  
 Sumber: <http://blogs.commonsgeorgetown.edu>

Merujuk kepada Rajah 2 di atas adalah berkaitan design yang terdapat dalam perisian *TikTok*. Sebelum kita pergi dengan lebih jauh, maka kita akan mengenal serba ringkas apakah itu *TikTok*. Ini adalah perkhidmatan rangkaian sosial Cina yang dimiliki oleh ByteDance, yang merupakan syarikat yang berpusat di Beijing yang ditubuhkan oleh Zhang Yiming pada tahun 2012. Aplikasi ini dilancarkan pada tahun 2017 dan digunakan untuk membuat tarian pendek, *lips-sync*, komedi dan video bakat untuk iOS dan Android di pasaran luar China. Persoalannya adakah aplikasi *TikTok* ini penjana kreativiti atau pemusnah nilai seseorang individu khususnya generasi muda di Malaysia? Apakah ianya lebih banyak membawa kemudahan daripada kebaikan. Maka kita akan kupas satu persatu dalam penulisan ini.

## 2. Dapatan Dan Perbincangan

### Dampak Positif Aplikasi *TikTok*

Pada awal kemunculan aplikasi *TikTok* ini ianya banyak memuat naik video berdurasi pendek lebih kurang 30 saat yang memaparkan hasil kreativiti penggunannya. Ditambah pula dengan kesan khas yang terkandung di dalam aplikasi ini, ianya sedikit sebanyak membantu menghasilkan video yang unik dan menarik ditambah dengan muzik pelbagai dan tarian beraneka ragam. Ini menjadikan *TikTok* dinobatkan sebagai platform media sosial paling popular dan banyak di muat turun di Google Play Store. Selain itu, aplikasi ini turut dapat mewujudkan rangkaian komunikasi yang lebih meluas. Media sosial seperti aplikasi *TikTok* ini juga menwarkan fungsi yang sama iaitu dapat berkenalan dengan sahabat baharu, berkongsi maklumat dan idea bagi tujuan perniagaan mahupun dalam bentuk peribadi. Di samping itu, aplikasi *TikTok* juga merupakan medan atau ruang yang sangat penting bagi pengusaha menjual produk dan perkhidmatan dalam talian. Kini usahawan menggunakan semua peluang yang diberikan oleh platform media sosial bagi melariskan jualan mereka. Oleh itu, ini memberi kelebihan kepada pengusaha di Malaysia untuk menjalankan perniagaan di ruangan persendirian memandangkan di Malaysia masih mengalami peningkatan wabak wabak virus korona yang belum menunjukkan tanda-tanda berakhir. Dengan perkembangan dunia rangkaian tanpa sempadan, perniagaan dalam talian secara beransur-ansur menjadi popular di kalangan rakyat Malaysia. Penulisan seterusnya akan menilai impak negatif aplikasi *TikTok* khususnya dalam mencorak nilai sendiri individu.

### Dampak Negatif Aplikasi *TikTok*

#### Kandungan Kreatif Video *TikTok* Membawa Kemudatan

Dikatakan bahawa penggunaan aplikasi *TikTok* membantu anak-anak muda untuk menjadi lebih kreatif dalam mengekspresikan diri dan memanfaatkan “crowd” di *TikTok* untuk mengajak ke arah kebaikan. Namun begitu, adakah ianya menjana kreativiti atau sebaliknya memberikan lebih banyak impak negatif menerusi perlakuan yang dipertontonkan dalam kandungan video cabaran-cabaran yang dihasilkan. Hal ini sangat menakutkan kerana audien yang majoritinya terdiri daripada generasi muda akan mengikut perlakuan dan challenge tersebut tanpa memikirkan sebab dan akibatnya. Di sini di senaraikan tujuh Trend *TikTok* Paling Berbahaya iaitu Cereal Challenge, Cha-Cha Slide Challenge, Throw It In The Air Challenge, Lathi Challenge, The Penny Challenge, Salt Challenge, The Bright Eye Challenge dan Skullbreaker Challenge. Perbincangan adalah berdasarkan kesan tiga challenge tersebut serta aksi video yang ditayangkan dalam aplikasi *TikTok* bagi menguatkan kata kunci yang kandungan aplikasi *TikTok* membawa kemudatan.

Pertamanya adalah cereal challenge dikatakan ianya berbahaya disebabkan individu tersebut perlu menuangkan cereal ke dalam mulut orang lain yang sedang dalam posisi tidur kemudian diikuti dengan susu. Jadi individu tersebut di andaikan sebagai mangkuk cereal. Hal ini sangat membahayakan kerana orang yang bertindak sebagai mangkuk boleh tersedak, sukar untuk bernafas dan lebih memudatkan akan menyebabkan kematian secara mengejut. Seterusnya adalah Skullbreaker Challenge atau Trimping Jump Challenge yang meriah di aplikasi *TikTok* seawal tahun 2020. Di dada-dada akhbar telah merekodkan bahawa challenge ini boleh menyebabkan kematian kerana dalam cabaran tersebut, kesudahan aksi challenge ini boleh meragut nyawa bagi mereka yang berani mencubanya. Bagi yang tidak mengetahui challenge ini biasanya dilakukan oleh tiga orang remaja yang berdiri sebaris dan mereka yang berada di kedudukan tengah akan melompat sebelum disepak oleh dua orang rakan di sebelah. Antara pandangan peribadi berkaitan challenge ini diutarakan oleh Simmi Ahuja pada 15 Februari 2020 di twitternya. Beliau mengatakan bahawa “Skullbreaker Challenge is trending I urge you

all to show your children and parents and teach them this is really dangerous. It can break skull and can cause some serious problem”.

Selain itu, sepekan yang biasanya dilakukan di buku lali itu akan menyebabkan rakan mereka yang melompat tadi jatuh terlentang dan mendarat menggunakan bahagian belakang mereka sekaligus menyebabkan ia dipanggil skullbreaker atau secara mudahnya boleh mematahkan tulang. Trend ini turut mendapat perhatian netizen di twitter yang menggesa agar challenge tersebut dihentikan kerana ianya boleh mendatangkan kecederaan serius kepada mereka yang melakukannya. Perkara ini turut diakui oleh pakar perubatan Dr. Shazif Othman yang berpendapat ia sangat berbahaya dan boleh menyebabkan kecacatan kekal serta memberi kesan jangka masa yang buruk di masa hadapan. Jika terkena impak yang besar, ia boleh menyebabkan kematian otak atau brain dead. Pandangan ini dilontarkan apabila dalam video cabaran tersebut, individu terbabit terjatuh secara mengejut dan kesannya ia juga boleh menyebabkan fizikal kecederaan pada sel-sel tisu di bahagian kaki.

Ketiga adalah berkaitan Lathi Challenge, yang telah menyebabkan banyak kerosakan, kerana dalam video muzik rasmi, unsur tarian dan tarian memiliki unsur ritual misteri. Bahkan dalam liriknya, ada tulisan suci yang merangkumi pemujaan dan penyembahan jiwa sekaligus memanggil kehadiran yang halus. Cabaran Lathi ini pada mulanya dipromosikan oleh Jharna Bhagwani di aplikasi *TikTok* dan kemudian tersebar di media sosial. Ramai orang menyahut cabaran ini. Cabaran demi cabaran ditunjukkan dalam *TikTok*. Pelakon akan menari sesuai dengan lagu tersebut, mengenakan kostum tradisional seperti kepulauan (Jawa), dan kemudian tiba-tiba berubah wajah dan berpura-pura menjadi hantu yang menakutkan. Menurut Irsyad Al-Fatwa Siri ke-521: Hukum melakukan Lathi Challenge, tindakan cabaran ini tidak patut dilakukan kerana perkara-perkara ini bertentangan dengan akidah Islam.

Berdasarkan fakta berkaitan lathi challenge di atas, maka tarian yang mempunyai unsur pemujaan dan ritual yang menyalahi akidah Islam serta pemakaian dan solekan yang menyerupai syaitan atau hantu seperti lathi Challenge ini termasuk dalam tasyabbuh yang dilarang di dalam hadith. Oleh itu, hukum seseorang melakukan lathi challenge adalah haram dan berdosa. Di samping itu juga, dengan adanya aplikasi *TikTok* ini, golongan wanita tidak kira remaja ataupun berusia dilihat sudah hilang perasaan malu dalam diri apabila dilihat terkinja-kinja melalui video *TikTok*. Mereka sanggup mempamerkan aurat dan melanggar hukum agama bagi mendapatkan menjadi lebih popular. Ini sekaligus telah menghilangkan rasa malu dan nilai kemanusiaan serta mengikis nilai etika dan moral bagi masyarakat timur. Rentetan itu, ini boleh membawa kepada penetapan hukum haram bermain *TikTok* sepertimana yang terkandung di dalam Irsyad Al-Fatwa Siri ke-472 kerana ianya lebih menjurus kepada pengaruh buruk kepada individu tersebut disebabkan ianya merupakan perbuatan yang bercampur dengan perkara yang diharamkan syarak. Larangan ini bertujuan menutup pintu kerosakan (sadd al-zara'i) selain perlakuan ini dibimbangi akan menimbulkan fitnah dan kemudaratan kepada agama. Apa jua perkara yang berisiko menimbulkan fitnah, hendaklah sedaya upaya dielakkan kerana ia akan memberi kesan yang buruk untuk jangka masa pendek mahupun panjang

### **Aplikasi *TikTok* Meningkatkan Perlakuan Narsisisme**

Aplikasi *TikTok* merupakan aplikasi media sosial yang tersebar luas penggunaannya di seluruh dunia dan majoritinya penggunaannya adalah generasi muda. Merujuk kepada pandangan Susilowati (2018) dalam penelitiannya menjelaskan bahawa aplikasi *TikTok* adalah aplikasi yang memberikan special effects yang unik dan menarik sehingga menghasilkan satu video pendek yang dapat dipertontonkan kepada rakan-rakan dan pengguna *TikTok* yang lain. Banyak

cara dilakukan oleh pengguna *TikTok* dan mereka saling berlumba-lumba untuk menjadi social media influencer terkenal dalam aplikasi *TikTok* khususnya di Malaysia, sehinggakan mereka sanggup berbuat apa sahaja demi menjadi popular, sanggup mengejar jumlah like dan followers yang ramai dengan menyediakan kandungan video yang aneh dan pelik seperti meniru gerakan solat dan ada yang membuat *TikTok* di depan jenazah saudaranya sendiri. Justeru itu, posting sedemikian diberikan kepada para pengguna *TikTok* dengan sebutan generasi perosak moral bangsa kerana para penggunanya yang menghasilkan kandungan sedemikian sama sekali tidak mementingkan nilai moral dalam menghasilkan video.

Perilaku narsisisme yang kelihatan pada pengguna *TikTok* adalah dalam bentuk gerak ucapan dalam mencintai diri sendiri secara berlebihan atau perhatian yang sangat ekstrem terhadap diri sendiri sebagai orang yang paling pandai, paling cantik, paling tampan, paling hebat dalam segalanya. Berdasarkan hasil analisis data oleh Devri Aprilian, Yessy Elita & Vira Afriyati (2019) menunjukkan pengujian hipotesis ternyata diterima di mana terdapat hubungan positif signifikan antara penggunaan aplikasi *TikTok* dengan perilaku narsisisme iaitu semakin tinggi penggunaan aplikasi *TikTok*, semakin tinggi perilaku narsisisme mahasiswa. Sebaliknya semakin rendah penggunaan aplikasi *TikTok*, maka semakin rendah perilaku narsisisme mahasiswa. Salah satu ciri gangguan keperibadian narsis yang diterbitkan oleh "Buku Panduan Diagnosis dan Psikiatri" edisi kelima dari American Psychiatric Association adalah kurangnya empati terhadap orang lain, kerana mereka pada umumnya dianggap tidak penting, terlalu sombong, dan percaya bahawa mereka lebih baik daripada yang lain Itu lebih penting, dan merasakan bahawa dia adalah yang paling bijak dan paling menawan dalam apa jua keadaan, selalu mengimpikan kekuatan tanpa had, keindahan yang paling menawan dan romantik yang ideal, untuk dicintai dan dicintai lebih banyak daripada orang di sekeliling saya. Seterusnya ciri lain adalah merasakan mereka mempunyai hak dan keistimewaan yang tinggi serta semua jangkauan dan permintaan mesti dipenuhi dan ciri terakhir adalah sentiasa berasa cemburu dengan orang lain dan percaya bahawa orang lain pun berasa cemburu dengan dirinya. Terdapat dua jenis narsisme iaitu Grandiose Narcissism iaitu individu tersebut mempunyai tanda-tanda klasik yang dikaitkan dengan narsisisme. Ini termasuklah sikap ekstrovert, terdesak mahukan perhatian dan kecenderungan untuk menjadi dominan dalam apa-apa perhubungan. Ahli politik dan selebriti cenderung untuk mengalami sindrom Grandiose Narcissism. Seterusnya adalah vulnerable Narcissism di mana ia didefinisikan sebagai individu yang lebih pendiam dan tidak banyak bercakap sekaligus mudah berasa terhina sekiranya ada kritikan terhadapnya. Kesempurnaan terhadap pasangan sangatlah dititiberatkan oleh mereka yang mengalami narcissism jenis ini yang menyebabkan mereka sukar untuk bertahan dalam perhubungan.

### **Kandungan *TikTok* Berunsur Pornografi**

Penyebaran dengan meluasnya kandungan berbentuk pornografi adalah satu kata kunci bagi menangkis hujah yang menyatakan bahawa penggunaan *TikTok* dalam pendidikan dan penyebaran nilai-nilai Islam semakin banyak dan mendapat tempat dalam masyarakat. Mustahil untuk menjadikan *TikTok* sebagai medium dakwah. Hal ini kerana durasi pendek setiap video yang membolehkan kita mengajar menggunakan model fragmented learning (debris learning), walaupun pada pandangan kita melalui aplikasi ini ia memberi kefahaman yang mudah kepada penonton, namun ia juga berisiko menimbulkan kesulitan untuk menjadikan ilmu tersebut berfungsi dengan baik. Hal ini kerana satu segmen kecil ilmu di dalam video pendek tersebut boleh terputus hubungan dengan keseluruhan hasil pengetahuan yang hendak disampaikan. Kita tidak boleh mengandaikan bahawa dengan asbab info yang sedikit menerusi video tersebut, kita sudah mengetahui perkara tersebut secara keseluruhannya. Ia memerlukan banyak penyelidikan dan pembacaan yang mendalam.

Kandungan *TikTok* lebih banyak berunsur negatif seperti tersebarnya kandungan pornografi. Misalnya kes di Mahkamah Tinggi Madras di India memohon kerajaan persekutuan negara agar mengharamkan aplikasi perkongsian video popular *TikTok*. Hal ini kerana aplikasi *TikTok* tersebut menggalakkan pornografi dalam kalangan pengguna. Merujuk mahkamah itu, pihaknya banyak menerima petisyen berhubung aplikasi berkenaan yang didakwa berisiko mendedahkan kanak-kanak kepada pemangsa seksual. Selain itu, hasil dapatan kajian oleh Trie Damayanti & Ilham Gemiharto (2019) menunjukkan bahawa lapan daripada sepuluh responden yang di wawancara menyatakan mereka pernah menyaksikan tayangan pornografi pada aplikasi *TikTok*. Hal ini membuktikan bahawa tayangan pornografi sangat mudah diakses oleh remaja dan anak-anak. Dr. Shamsuriani Md Jamal, Pengarah Kempen Love Myself, menyatakan bahawa Malaysia adalah negara yang mempunyai laman web yang paling banyak menonton pornografi di Asia. Ini adalah satu statistik yang dikeluarkan oleh sebuah laman web berkaitan isu tersebut di Amerika Syarikat Menurut statistik, wanita di negara ini dianggap lebih banyak melihat laman web pornografi daripada lelaki.

Kajian soal selidik ini telah dilakukan oleh Love Myself Campaign pada tahun 2015 dan 2016 terhadap 70 orang responden pada tahun 2015 dan 2016 pula 377 orang responden. Kajian ini melibatkan sekumpulan remaja berusia antara 13 dan 17 tahun. Memetik pandangan Dr Shamsuriani yang menyatakan bahawa statistik mencatatkan bahawa 50 peratus mengatakan mereka dengan tidak secara langsung terdedah dengan bahan ponografi manakala 80 peratus mengakui terdedah dengan bahan ponografi. Oleh itu, Dr Shamsuriani menyimpulkan bahawa kanak-kanak dan remaja di negara ini telah menjadi mangsa kandungan pornografi, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja.

### **Aplikasi *TikTok* meningkatkan Kes Pedofilia**

Maksud pedofilia ini adalah satu orientasi seksual di mana seseorang itu mempunyai nafsu seksual terhadap kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Jika kita ketahui, banyak video *TikTok* di luar sana yang mendedahkan akan kecomelan dan gelagat aksi si kecil. Ramai ibu bapa yang memuat naik video anak-anak mereka di media sosial dan seterusnya ditonton oleh semua orang tidak kiralah kenalan ataupun tidak serta ada jugak kanak-kanak yang pandai menggunakan aplikasi ini dan memuat naik video mereka. Hal ini boleh meningkatkan kes pedofilia dan membahayakan kesihatan anak comel anda. Dalam era globalisasi ini kadangkala ibu bapa memandang enteng perkara ini dan terlebih kongsi video atau gambar anak-anak di media sosial. Namu begitu sedarkah kita bahawa perbuatan tersebut boleh menyebabkan individu lain mengambil kesempatan termasuklah perkara berkaitan perbuatan pedofilia ini.

Saidatul Ashikim Abu Hassan iaitu wakil daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pernah menyatakan bahawa ibu bapa semestinya memainkan peranan dengan lebih berhati-hati memuat naik gambar anak mereka di internet. Katanya lagi “bagi kita sebagai ibu bapa kadangkala mungkin kita tidak terfikir apa yang kita muat naik itu tidak ada masalah tetapi berbeza kepada golongan pedofil ini, yang cenderung melihat ia ke arah seksual kanak-kanak”. Fakta ini di sokong dengan mendatangkan bukti seorang individu bernama Richard Huckle berusia 30 tahun berasal dari Ashford Kent dirinya mengaku melakukan jenayah pedofilia tersebut terhadap mangsa yang berusia dalam lingkungan enam hingga dua belas tahun sejak dari tahu 2006 hingga tahun 2014. Huckle dilaporkan oleh akhbar telah mencabul sehingga 200 kanak-kanak dan majoritinya adalah daripada komuniti miskin di Kuala Lumpur ketika dirinya menjadi guru Bahasa Inggeris di Malaysia

### **Aplikasi *TikTok* Menyebabkan Ketagihan Menggunakan Gadget**

Aplikasi *TikTok* sangat tinggi nilai ketagihannya. Ia mempunyai interface cemerlang berasaskan interaction design yang hebat serta algorithm yang menggerakkannya. *TikTok* ini direka bentuk semangnya untuk meninggikan ketagihan. Oleh yang demikian, ketagihan penggunaan gadget boleh menyebabkan seseorang itu menghabiskan masa dengan gadget sehinggalah tidak mempedulikan keadaan sekeliling mereka dan kurang melakukan aktiviti luar dan leka dengan dunia maya. Keadaan ini sekaligus boleh mengakibatkan masalah psikologi sekaligus masalah kesihatan dalam diri mereka. Hal ini sangat membimbangkan kerana majoriti pengguna aplikasi *TikTok* ini adalah golongan remaja dan kanak-kanak. Merujuk kepada pandangan Fauziah Hanim (2013) antara keburukan teknologi maklumat terhadap kanak-kanak dan remaja ialah menghalang kecergasan interpersonal menyebabkan mereka kurang berinteraksi dengan orang lain dan menjadi suka menyendiri dan menjadi introvert.

Penyelidikan berkaitan sindrom ketagihan gadget dan internet ini turut disokong menerusi hasil dapatan oleh Johari dan Raja Shahrina (2012) mendapati tahap penggunaan internet remaja akan lebih tinggi dari masa ke masa. Selain itu, data turut menunjukkan bahawa hanya dua pelajar dari 149 sampel yang menghadapi ketagihan internet yang dikesan pada tahun 2010 meningkat kepada 20 pada tahun 2012. Pandangan Small and Vorgan (2008) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menghabiskan masa belajar teknologi akan mengurangkan kemahiran berinteraksi dan melemahkan kemahiran komunikasi. Ini kerana kanak-kanak dan remaja menghabiskan masa bersendirian menggunakan peralatan teknologi moden tanpa penglibatan individu lain. Akibatnya, aktiviti komunikasi dan interaksi sosial mereka dengan orang di sekelilingnya menjadi sangat terhad, dan kemahiran komunikasi awal sangat penting untuk perkembangan kemahiran sosial (seperti pemerhatian, mendeng dan berbual). Antara kesan buruk daripada sindrom ketagihan gadget ini adalah kerana ianya datang bersama dengan sindrom kesihatan lain. Penyelidik daripada Lembaga Kesihatan Universiti Morgannwg, Abertawe Bro memberitahu, generasi muda berhadapan dengan masalah kesihatan pada bahagian tengkuk dan tulang belakang badan apabila menggunakan telefon pintar secara berlebihan. Hasil dapatan kajian hamper tiga perempat kanak-kanak sekolah rendah dan dua pertiga daripada sekolah menengah dilaporkan mengalami masalah pada bahagian tulang tengkuk dan belakang badan dalam tempoh setahun yang lalu. Selain itu juga, permasalahan dari aspek emosi kanak-kanak juga turut mempengaruhi.

Richard Graham (2019) mengatakan bahawa kerana ketagihan iPad terdapat kes seorang gadis berusia empat tahun di London terpaksa mendapatkan rawatan psikiatri. Semasa Psikiatri itu mengambil iPad tersebut daripadanya, anak itu menunjukkan sikap ganas dan marah. Kaunselor kanak-kanak Puteri Azrian Megat Rumley percaya bahawa kanak-kanak itu juga akan menghadapi masalah tumpuan dan tindakan aktif tersebut boleh mendatangkan bahaya dan akibatnya boleh menjadi lebih besar. Menurut pandangan beliau, usia kanak-kanak yang belum matang menyebabkan mereka tidak mampu membuat penilaian dan tidak dapat membezakan realiti yang menyebabkan mereka meniru aksi yang dipaparkan dalam aplikasi tersebut.

### **3. Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, berdasarkan perbincangan berkaitan dampak positif dan negatif aplikasi *TikTok* dalam mencorak nilai seseorang individu, maka jelaslah membuktikan bahawa aplikasi *TikTok* ini lebih banyak mendatangkan kemudahan daripada kebaikan kepada penggunaannya, impak negatif lebih mendominasi berbanding impak yang positif. Pernyataan ini berdasarkan



hujah yang dinyatakan semula secara ringkas kata kunci pertama iaitu kandungan kreatif *TikTok* tidak menjana kreativiti secara langsung ataupun secara tidak langsung sebaliknya Hal ini disebabkan oleh kebanjiran kandungan video-video challenge yang tidak bermanfaat dari aspek kesihatan, akidah dan fizikal individu seperti Cereal Challenge, Skullbreaker Challenge yang ternyata dan disahkan oleh pakar perubatan sebagai challenge yang mengarut dan boleh membawa kematian serta Lathi Challenge yang mana ianya sangat bertentangan dengan akidah Islam sepertimana yang terkandung di dalam Irsyad Al-Fatwa Siri ke -521 disebabkan oleh pemakaian dan solekan yang menyerupai syaitan dan hantu serta tarian yang mempunyai unsur pemujaan ritual . Selain itu, ianya juga mengikis perasaan malu dan nilai kemanusiaan individu kerana golongan wanita tidak kira remaja ataupun yang berusia dilihat sudah hilang perasaan malu dalam diri apabila mereka terkinja-kinja melalui video *TikTok* tersebut.

Kata kunci kedua adalah aplikasi *TikTok* ini meningkatkan perlakuan narsisme. Ini dapat dikaitkan dengan penjagaan diri yang berlebihan atau perhatian yang melampau pada diri sendiri sebagai orang yang paling pintar, paling cantik, tampan, dan lain-lain dalam tindakan lisan. Sanggup berbuat apa sahaja demi mengejar likes dan follower dengan video yang aneh dan pelik untuk menjadi social media influencer yang terkenal. Sindrom ini memakan secara dalaman, dan pada masa yang sama menyebabkan orang di sekitarnya menderita. Ia masih boleh dirawat dengan psikoterapi. Seterusnya hujah kata kunci ketiga adalah kandungan *TikTok* berunsurkan pornografi bagi menangkis hujah yang menyatakan bahawa kandungan *TikTok* dalam pendidikan dan penyebaran nilai-nilai Islam. Pernyataan ini selari dengan dapatan Damayanti & Ilham Gemiharto (2019) yang mana hasil dapatan menunjukkan bahawa lapan daripada sepuluh responden yang diwawancara menyatakan mereka pernah menyaksikan tayang pornografi pada aplikasi *TikTok*. Angka ini sangat membimbangkan kerana bahan-bahan pornografi seperti ini yang sangat berleluasa dan mudah di akses akan menyebabkan masalah lain seperti rogol dan cabul. Sekaligus ini boleh merosakkan masa depan anak muda Malaysia

Kata kunci keempat, aplikasi *TikTok* meningkatkan kes pedofilia. Hal ini kerana banyak video *TikTok* di luar sana yang mendedahkan kecomelan dan gelagat aksi si kecil. Ini sangat mengundang kepada kes pedofilia dan membahayakan anak-anak yang masih kecil. Pengetahuan dan kesedaran serta sikap ibu bapa sangat memainkan peranan penting untuk kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak. Kata kunci terakhir bagi menguatkan lagi bahawa *TikTok* pembawa unsur negatif adalah ianya boleh menyebabkan ketagihan yang melampau. Pengkaji memetik pandangan Yong (2011) yang menyatakan bahawa keasyikan melayari internet di internet yang akhirnya membawa kepada sindrom ketagihan dan lebih teruk lagi adalah masalah berkaitan emosi dan kesihatan mental. Sekiranya teknologi ini disalahgunakan, ia mungkin memberi kesan negatif kepada masyarakat, terutama bagi kanak-kanak dan generasi muda. Apakah makna teknologi yang canggih sekiranya keturunan pewaris masa depan mundur dan ketinggalan dari segi aspek pembangunan nilai mereka

Maka dengan ini jelaslah dan terbuktilah bahawa aplikasi *TikTok* banyak meninggalkan kesan negatif dalam mencorak pembangunan nilai individu. Pembangunan individu yang seimbang di antara unsur jasmani dan rohani tidak akan dapat dicapai secara syumul dan komprehensif sekiranya golongan anak muda terjebak dan ketagihan aplikasi *TikTok*, Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada mengubati. Oleh yang demikian, isu ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar pembangunan nilai individu terus berada di landasan yang kukuh ke arah pembangunan Malaysia yang lebih mampan. Kerjasama daripada pihak kerajaan sendiri melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, badan-badan bukan kerajaan, Ibu bapa perlulah mengembleng tenaga bagi memastikan anak muda tidak terjebak dengan

kandungan pornografi dan kandungan video cabaran yang mengarut di aplikasi *TikTok*, kandungan ini perlu ditapis supaya tidak diikuti dengan membuta tuli oleh pengguna *TikTok* sekaligus bagi memastikan keselamatan dari aspek fizikal, emosi dan mental. Justeru itu, diharapkan kesan-kesan negatif yang dibincangkan ini dapatlah diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya dari semua pihak yang terlibat.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan penulis yang terlibat langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini

### **Rujukan**

- Astro Awani. 2018. Malaysia negara ke-9 paling aktif media sosial, ke-5 paling ramai guna e-dagang. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke9-paling-aktif-media-sosial-ke5-paling-ramai-guna-edagang-laporan-166998>. [02 Disember 2020].
- Centre for New Design In Learning & Scholarship. 2019. What make Tik Tok Possible the Technology and Design Principles behind it. <http://blogs.commonst.edu/>. [26 Disember 2020]
- Che Su & Nan Zakiah. 2014. Persepsi Dan penggunaan Media Sosial Dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. 30 (Special Issue): 43-74. *Jurnal Komunikasi*. <http://journalarticle.ukm.my/8022/>. [02 Disember 2020].
- Dian Novita & Rosmawita Oktavianti. 2020. Penggunaan Aplikasi Media Sosial Berbasis Audio Visual dalam Membentuk Konsep Diri (Studi Kasus Aplikasi Tik Tok). *Jurnal Koneksi*. 4(2): 372-379. <http://dx.doi.org/10.24912/kn.v4i2.8214>. [26 Disember 2020].
- Deenamik.com. 2018. Fenomena Tik Tok Meresahkan Orang Ramai Sebabnya. <https://deenamik.com/blog/2018/07/tik-tok-meresahkan-orang-ramai/>. [02 Disember 2020].
- Devri Aprilian, Yessy Elita & Vira Afriyanti. 2019. Hubungan Antara Penggunaan Aplikasi Tik Tok Dengan Perilaku Narsisme Pada Siswa Sekolah Menengah Pertama. *Jurnal Ilmiah BK*. 2(3): 220-228. [https://ejournal.unib.ac.id/index.php/j\\_consilia/article/view/8331](https://ejournal.unib.ac.id/index.php/j_consilia/article/view/8331). [26 Disember 2020].
- Dwi Putri Robiatul Adawiyah. 2020. Pengaruh Penggunaan Aplikasi Tik Tok Terhadap Kepercayaan Diri Remaja di Kabupaten Sampang. *Jurnal Komunikasi*. 14(2):135-148. <https://journal.trunojoyo.ac.id/komunikasi>. [26 Disember 2020].
- Eka Najihah, Azizah Zain & Zarina Eshak. 2020. Pengetahuan, Kesedaran Dan Sikap Ibu Bapa Berkenaan Jenayah Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. (Special Issues) 9: 1-8. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.sp.1.2020>. [02 Disember 2020].
- Irfan Khairi. 10 Statistik dan Fakta Terkini Pengguna Internet di Malaysia. <http://www.openedu.com.my/dl/Laporan10.pdf>. [02 Disember 2020].
- Muhammad Adnan, Siti Nur Husna & Mohd Izhar. 2018. Teori AL-Daruriyyat dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep. 34(4):75-92. *Malaysian Journal Of Communication*. <https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/28011> [02 Disember 2020].
- MyNewsHub. Aplikasi Tik Tok Tidak Sesuai Bagi Remaja. <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/tiktok-tidak-sesuai-bagi-remaja/>. [02 Disember 2020].

- Naquaih Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah et al. 2018. Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. 5(1) : 87-99. *International Journal Of Islamic and Civilizational Studies*.  
<https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/181/pdf> [02  
Disember 2020].
- Nurhanizah Hashim. 2019. Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibu Bapa dan Anak-Anak. 35(4): 337-352. *Malaysian Journal Of Communication*.  
<https://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/36836>. [02 Disember 2020].
- Noradilah & Lai Wei Sieng. 2019. Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi di UKM. 22(1): 69-75. *Jurnal Personalia Pelajar*.  
[http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2019/08/Artikel-11\\_Dr-Lai-Wei-Sieng\\_FEP.pdf](http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2019/08/Artikel-11_Dr-Lai-Wei-Sieng_FEP.pdf). [02 Disember 2020].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-472: Hukum Bermain Tik Tok. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4380-irsyad-al-fatwa-siri-ke-472-hukum-bermain-tiktok>. [02 Disember 2020]